

Kaum ibu suku Kensui menunjukkan minat ketika mendengar ceramah motivasi.

PEDAGOGI TERBEZA UNTUK MURID ORANG ASLI

KEMENTERIAN Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memperkasakan pendidikan negara ini tanpa mengira lapisan masyarakat. Namun demikian, masih terdapat murid yang ketinggalan dalam pendidikan, antaranya murid dalam kalangan orang asli. Kumpulan ini merupakan kumpulan minoriti, iaitu 50 peratus daripada jumlah penduduk negara ini.

JIKA 100 orang murid Orang Asli mendaftar memasuki sekolah rendah tahun satu, hanya enam orang sahaja daripada mereka yang akan menamatkan pengajian hingga tingkatan lima. Sebanyak 94 peratus daripada mereka tidak dapat dikesan sama ada berjaya menamatkan persekolahan ataupun tidak. Hal ini selalu dikaitkan dengan segelintir sikap ibu bapa masyarakat Orang Asli yang masih tidak menunjukkan minat terhadap pelajaran anak mereka. Mereka berpendapat sekolah sebagai suatu tempat untuk menghantar anak mereka untuk bermain dan makan. Ternyata pada masa ini, tanggapan mereka terhadap dunia pendidikan mulai berubah apabila mereka melihat masyarakat luar begitu teruja untuk

memberikan pendidikan kepada anak-anak. Lama-kelamaan mereka mula sedar tentang perlunya pendidikan kepada anak-anak mereka.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Tabung Darurat Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF 2007), terdapat lebih kurang 80 peratus kanak-kanak Orang Asli yang tidak pernah menamatkan persekolahan pada peringkat sekolah menengah. Masalah keciciran pendidikan timbul dalam kalangan orang asli ini berpunca daripada satu atau gandingan beberapa faktor seperti ikatan kekeluargaan yang cukup akrab, iaitu anak enggan tinggal berjauhan daripada keluarga. Murid Orang Asli dilihat mempunyai konsep sendiri yang rendah dan mereka malu apabila berhadapan dengan orang luar.

Selain itu, faktor geografi juga antara penyebab keengganan murid untuk datang ke sekolah. Kedudukan geografi penempatan mereka yang terletak jauh di pedalaman telah mengukuhkan pemikiran dalam kebanyakan masyarakat Orang Asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak mereka ke sekolah. Ekoran itu, murid ini lebih tertumpu di rumah, menolong ibu bapa mereka mengurus keluarga dan masuk hutan untuk mencari buluh dan sebagainya. Hubungan dengan masyarakat luar agak kurang, hal ini menyebabkan mereka tidak terdedah dengan perkembangan semasa.

Anak Orang Asli didapati gemar bermain muzik dan menyanyi. Mereka akan bermain muzik mengikut apa-apa yang didengari dan diwarisi oleh

nenek moyang. Mereka berupaya menari dengan baiknya jika diminta menari. Namun begitu, apabila diminta membaca dan menulis, mereka agak malu dan tersipu-sipu untuk membaca buku atau bahan bacaan yang diminta untuk dibaca. Hal yang sama berlaku ketika mereka berada di dalam bilik darjah. Mereka seolah-olah kehilangan fokus tatkala guru meminta mereka membaca atau terlibat semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Keadaan ini menjadi faktor mereka untuk tidak hadir ke sekolah. Kurangnya pengetahuan dan sokongan ibu bapa terhadap pendidikan menyebabkan kumpulan ini sentiasa mengikuti perkembangan pendidikan pada hari ini.

Sejajar dengan perkembangan pendidikan terkini, satu konsep pedagogi diperkenalkan kepada guru untuk membantu murid dan menarik minat murid ini untuk belajar supaya pembelajaran menjadi aktiviti yang menyeronokkan. Pedagogi Terbeza diwujudkan dalam sistem pendidikan berasaskan kepelbagaian sekolah dan murid. Antara jenis sekolah yang wujud hasil kepelbagaian ialah Sekolah Orang Asli (SOA), Sekolah Kurang Murid (SKM), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Guru-guru hari ini perlu memberikan penekanan terhadap pembelajaran bermakna akan dicapai sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran merangkumi tiga strategi pembelajaran, iaitu (i) penilaian awal dan kerap, (ii) membenarkan murid mengalami sendiri aktiviti pembelajaran, dan (iii) mengambil kira minat murid untuk melahirkan kemenjadian murid dalam pengajaran terbeza.

Konsep ini diperkenalkan melalui pengajaran dan pembelajaran dengan mengambil kira kepelbagaian murid di dalam bilik darjah. Kepelbagaian ini meliputi aspek bakat, minat, kecenderungan, kebolehan dan prestasi akademik. Pedagogi Terbeza merujuk usaha mempelbagaikan metodologi berdasarkan kerangka pedagogi yang mudah lentur untuk membolehkan murid belajar berdasarkan potensi dan persekitaran

Penulis berkesempatan
menguji konsep
Pedagogi Terbeza
semasa mengadakan
siri lawatan ke
perkampungan Orang
Asli Suku Kensui Ulu
Legong, Baling, Kedah.

mereka. Pedagogi juga dapat meningkatkan pembelajaran murid dengan membentuk mereka sebagai pelaku utama dalam pembangunan intelektual mereka. Selain itu, Pedagogi Terbeza dapat ditakrifkan sebagai suatu bidang ilmu yang menitikberatkan proses pengajaran yang dapat memenuhi keperluan belajar murid dalam satu bilik darjah yang mempunyai profil pembelajaran yang berbeza-beza.

Fokus Pedagogi Terbeza meliputi empat elemen utama, iaitu kandungan, proses, produk dan persekitaran pembelajaran. Pengajaran Terbeza mempunyai falsafah bahawa proses memperoleh kandungan, memproses, membina atau menjana idea, dan membangunkan bahan pengajaran dan langkah penilaian supaya murid dalam bilik darjah dapat belajar dengan berkesan tanpa mengira perbezaan kemampuan. Dalam konteks ini murid memainkan peranan aktif dalam proses pembelajaran. Mereka membina pengetahuan dan pengalaman sedia ada untuk menjadikan suatu pengalaman pembelajaran yang baharu melalui sesi pengajaran yang dibuat oleh guru. Bagi murid Orang Asli berfokus kepada bahan budaya yang menekankan cara guru menarik minat murid untuk datang ke sekolah.

Konsep Pedagogi Terbeza bergantung pada (i) kepelbagaian bilik darjah, (ii) keupayaan kepimpinan (iii) kemenjadian murid (iv) prasarana pembelajaran (v) keadilan pembelajaran (vi) sarana sekolah (vii) saranan sekolah, dan (viii) keterampilan guru.

Empat elemen penting yang diberikan penekanan oleh guru dalam konsep ini, iaitu persekitaran, proses, kandungan dan produk. Elemen persekitaran mencakupi iklim bilik darjah yang baik, pengurusan bilik darjah yang mantap, seperti peraturan kelas, keceriaan kelas, susunan perabot, ruang belajar yang selesa, seperti dalam bilik darjah, luar bilik darjah serta pembelajaran maya. Elemen kedua, proses menfokuskan cara murid memahami maklumat, idea dan kemahiran yang mampu dikuasai oleh murid. Guru dapat merefleksikan gaya pembelajaran dan keutamaan pembelajaran murid dan mempelbagaikan proses pembelajaran.

Selain menyasarkan aktiviti yang dijalankan, hal ini selaras dengan objektif yang hendak dicapai. Elemen ketiga menjurus kepada kandungan, iaitu topik dalam sukatan pelajaran, ilmu yang terkandung, menyediakan pilihan kepada murid untuk memahami pembelajaran dan menyediakan sumber tambahan yang bersesuaian dengan murid. Elemen keempat ialah produk untuk hasilnya perlu bermakna kepada murid, merefleksikan kefahaman murid, menyediakan cabaran, kepelbagaian pilihan dan murid dapat menghasilkan sesuatu semasa pembelajaran berlangsung.

Penulis berkesempatan menguji konsep Pedagogi Terbeza semasa mengadakan siri lawatan ke perkampungan Orang Asli Suku Kensui di Ulu Legong, Baling, Kedah. Konsep ini diperkenalkan melalui ceramah motivasi yang dijalankan secara spontan dan kandungannya tentang konsep solat, puasa dan tanggungjawab terhadap agama serta kepentingan belajar. Sesi berlangsung pada waktu malam dan berlaku di perkampungan mereka. Penceramah hanya menggunakan kaedah komunikasi dua hala semasa membincangkan topik, berada dalam keadaan santai dan ahli yang menghadiri siri ceramah ini terdiri daripada rakan murid suku Kensui dan ibu bapa mereka.

Hasil pemerhatian semasa program ini berlangsung didapati berlaku perubahan tingkah laku terhadap murid berkenaan. Tingkah laku dan perwatakan murid Orang Asli Suku Kensui semasa sesi ceramah amat berbeza. Berbanding dengan sesi pembelajaran mereka di bilik darjah, didapati anak murid Orang Asli dilihat pasif dan kurang berinteraksi ketika diajukan soalan oleh guru mereka. Berbanding dengan semasa sesi ceramah di luar sekolah, ternyata berlaku kemesraan antara penceramah yang banyakk menyelitkan unsur humor dan didaktik yang dapat membantu murid Orang Asli suku Kensui lebih mudah memahami penyampaiannya.

Bahasa yang mudah dan ringkas yang disampaikan oleh penceramah membantu mereka meningkatkan kefahaman tentang solat, puasa, serta tanggungjawab mereka terhadap agama Islam dan kepentingan pendidikan. Murid Orang Asli menggunakan bahasa ibunda ketika berinteraksi di rumah, sekolah dan persekitaran sekolah terutamanya kantin sekolah. Sepanjang pemerhatian penulis semasa sesi ini didapati murid suku Kensui dapat bertutur dengan baik dan berkesan. Malahan, ada yang boleh menjawab soalan yang dikemukakan oleh penceramah pada sesi malam

itu. Hal ini menunjukkan bahawa murid suku Kensui mampu mengikuti pelajaran sekiranya kaedah pengajaran yang diajar dipelbagaikan mengikut persekitaran dan minat mereka.

Respons yang diberi oleh murid suku Kensui ini sangat baik, mereka menjawab soalan dengan betul. Tidak kelihatan dengan jelas bahawa mereka lupa dengan fakta yang disampaikan oleh penceramah pada ketika itu. Terdapat dakwaan murid Orang Asli dikatakan mudah lupa kerana daya ingatan mereka sangat lemah. Namun demikian, sepanjang sesi ceramah yang dijalankan, didapati mereka dapat menjawab soalan yang diajukan oleh penceramah tentang rukun solat dan rukun puasa. Sepanjang sesi ini dijalankan didapati bahawa murid Orang Asli suku Kensui dapat menumpukan perhatian yang baik, fokus terhadap pengisian yang disampaikan oleh penceramah. Mereka hanya akan belajar apabila diberikan penguahan luaran seperti cenderamata seperti gula-gula. Seseengah dalam kalangan mereka menyatakan bahawa masalah kewangan menjadi faktor utama murid Orang Asli enggan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hal ini menjadi isu utama terhadap pencapaian prestasi akademik yang kurang memuaskan

dalam kalangan murid Orang Asli suku Kensui.

Mereka dapat dimotivasikan sekiranya ibu bapa mereka turut dimotivasikan bersama-sama. Kesungguhan untuk berubah dalam kalangan masyarakat Orang Asli suku Kensui telah berlaku ekoran penghijrahan beberapa orang anak suku Kensui yang ditempatkan di sekolah-sekolah khas yang dibiayai sepenuhnya oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di samping itu, penghijrahan keluar beberapa orang suku Kensui bekerja di luar kawasan membuka minda mereka bahawa masyarakat mereka perlu berubah dan diberikan penguahan untuk memajukan diri mereka. Kegagalan dan kelemahan mereka dapat diatasi sekiranya mereka diberikan pendedahan cara belajar mengikut budaya mereka. Mereka tidak perlu dipaksa untuk belajar secara amalan di sekolah harian biasa.

Kaedah Pedagogi Terbeza untuk mengajar anak suku Kensui dapat dipelbagaikan dengan kaedah yang berasaskan budaya tempatan. Misalnya, mereka didedahkan dengan mengajar mereka cara-cara untuk membuat ikatan buluh, membuat pancing, menghasilkan produk buluh yang lebih kreatif dan sebagainya. Semasa sesi ceramah ini, penceramah dilihat menggunakan bahasa Melayu yang mudah dan ringkas, unsur humor diselitkan oleh penceramah ini. Keadaan ini membolehkan mereka dapat memahami dengan mudah dan bersahaja. Dalam ketawa, penceramah cuba untuk menyelitkan unsur keagamaan dan motivasi bagi membolehkan mereka mendekati diri dengan ajaran agama Islam. Sesi motivasi dijalankan telah membantu untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid suku Kensui tentang agama Islam. Semasa sesi soal jawab dilihat murid suku Kensui dapat menjawab dengan betul.

Tegasnya konsep Pedagogi Terbeza ini dapat diaplikasi di mana-mana sahaja jenis sekolah yang bersesuaian dengan kebolehan murid serta persekitaran mereka. Guru mampu mengaplikasikan konsep ini untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang hambar akan menjadi murid-murid kaku dan pasif. **PB**

Anak suku Kensui tidak harus dipinggirkan untuk mengejar ilmu.